

22 JAN 2002

Musa-Tadika (Bergambar)

KEMENTERIAN PENDIDIKAN KAJI BENTUK KAWALAN TADIKA ISLAM

KUALA LUMPUR, 22 Jan (Bernama) -- Kementerian Pendidikan akan memulakan perbincangan dengan setiap Kerajaan Negeri berhubung bentuk kawalan yang boleh diambil terhadap taman didikan kanak-kanak (tadika) dan taman asuhan kanak-kanak Islam (taski).

Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamad berkata kerjasama setiap Kerajaan Negeri berhubung pendidikan agama adalah perlu kerana pentadbiran dan penguatkuasaan taski Islam adalah tertakluk di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

"Ini akan menjadi inisiatif kerajaan (Kementerian Pendidikan) kerana ia berkaitan dengan pendidikan. Kita akan memulakan inisiatif (untuk bekerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri)," katanya.

Musa memberitahu demikian kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Timbalan Sheikhul Azhar, El-Sheikh Mahmoud Abdel Ghani Mahmoud Ashour dari Universiti Al-Azhar, Mesir di pejabatnya di sini, hari ini.

Musa berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam bahawa kajian akan dibuat sama ada untuk memperkenalkan undang-undang baru atau meminda yang sedia ada bagi mengawal pembukaan taman asuhan kanak-kanak Islam (Taski) dan taman didikan kanak-kanak (Tadika) agar matlamat penubuhannya tidak diselewengkan.

Musa berkata beliau bersetuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa kajian perlu dibuat sama ada perlu memperkenalkan undang-undang baru atau undang-undang sedia ada dipinda serta mengenal pasti apakah bentuk kawalan yang boleh diambil bagi memastikan pengendalian institusi berkenaan dilakukan dengan teratur.

Mengenai perbincangannya dengan El-Sheikh Mahmoud, Musa berkata ia adalah mengenai penentuan standard bagi pelajar Malaysia memasuki universiti itu.

Beliau berkata dalam perbincangan itu, Timbalan Sheikhul Azhar telah menyatakan bahawa Universiti Al-Azhar berpuashati dengan standard dan peperiksaan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) yang dijalankan Kementerian.

Sejak kerajaan mewajibkan semua pelajar yang ingin melanjutkan pendidikan di Universiti Al-Azhar menduduki STAM pada tahun lepas, didapati pelajar Malaysia berjaya mengikuti pengajian dan mencatat pencapaian yang baik.

Pada masa ini, hampir 5,000 pelajar Malaysia mengikuti pengajian di Universiti Al-Azhar.

Sebelum ini, terdapat kira-kira 26 jenis sijil di negara ini yang digunakan untuk kemasukan pelajar Malaysia ke Universiti Al-Azhar.

STAM antara lain bertujuan menyelaraskan sistem dan syarat kemasukan pelajar aliran agama ke Universiti Al-Azhar dan universiti tempatan.

STAM juga berperanan memastikan pelajar lepasan Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) dan Sekolah Menengah Agama Rakyat (SMAR) melalui satu sistem pendidikan piawai yang diiktiraf oleh universiti dalam dan luar negara, selain memastikan pelajar berkenaan benar-benar berkualiti serta dapat memiliki ijazah dalam jangka masa yang lebih singkat.

Peperiksaan STAM menawarkan 13 mata pelajaran berdasarkan kurikulum Maahad Bu'uth al-Islamiyah Al-Azhar dalam bidang Fiqh, Tauhid, Mantiq, Balaghah, Hifz Al-Quran dan Tajwid, Nahu serta Adab dan Nusus.

-- BERNAMA

HS PR